



جائتن كمالوان اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENDAFTARAN INSTITUSI TAHFIZ

Penerbit:
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
www.islam.gov.my

Cetakan Pertama 2021

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
Bahagian Dasar Kemajuan Islam
Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 Wilayah Persekutuan PUTRAJAYA
MALAYSIA

Dicetak dan Atur huruf oleh:
FIRDAUS PRESS SDN. BHD.
No. 28, Jalan PBS 14/4
Taman Perindustrian Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan Selangor

KANDUNGAN

1	Tujuan	1
2	Latar Belakang	1
3	Skop	1
4	Definisi	1
5	Bidang Kuasa	2
6	Bahasa Pengantar	2
7	Modal	2
8	Lokasi, Tanah, Premis dan Kemudahan	2
9	Ahli Lembaga Sekolah / Jemaah Pengurusan Sekolah	3
10	Penamaan Institusi	3
11	Kurikulum	4
12	Pengambilan dan Penempatan Murid	4
13	Guru Besar/Pengetua	4
14	Guru/Tenaga Pengajar	5
15	Guru/Tenaga Pengajar Bukan Warganegara	5
16	Nisbah Kelas: Murid	6
17	Yuran Pengajian	6
18	Permohonan Penubuhan	6
19	Surat Kelulusan Penubuhan	7
20	Permohonan Pendaftaran	8
21	Perakuan Pendaftaran	8
22	Lawatan	8
23	Kuasa Pendaftar	9
24	Maklumat dan Data	9

25 Lampiran

i Lampiran Carta Alir _____ 10

ii Lampiran Contoh Kertas Cadangan _____ 11

iii Lampiran Contoh Borang 1 _____ 16

(Borang Permohonan Penubuhan Institusi Tahfiz)

iv Lampiran Contoh Borang 2 _____ 18

(Borang Permohonan Pendaftaran Institusi Tahfiz)

1. Tujuan

- 1.1 Garis Panduan ini bertujuan memberi panduan kepada Majlis Agama Islam Negeri untuk menyeragamkan penubuhan dan pendaftaran institusi tahfiz.

2. Latar Belakang

- 2.1 Garis Panduan ini telah dihasilkan bersama wakil pihak negeri dan agensi kerajaan dalam beberapa siri bengkel yang diurus setiakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- 2.2 Garis Panduan ini telah dibentangkan dalam Persidangan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) Kali Ke-50 Pada 27 Mac 2019 Dan Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Sekolah Agama (JKPP) pada 24 Jun 2019.

3. Skop

- 3.1 Garis Panduan ini hendaklah digunapakai oleh Majlis Agama Islam Negeri bagi pengendalian proses penubuhan dan pendaftaran semua institusi tahfiz.

4. Definisi

- 4.1 Institusi tahfiz adalah sebuah sekolah atau institusi pendidikan yang menawarkan pengajian hafazan al-Quran secara sepenuh masa dengan penghafazan al-Quran menjadi aliran pengajian utama di institusi berkenaan.

- 4.2 Pendaftar bagi institusi tahfiz adalah seseorang yang dilantik sebagai pendaftar oleh pihak berkuasa yang berbidangkuasa mendaftarkan institusi tahfiz.

5. Bidang Kuasa

- 5.1 Penubuhan dan Pendaftaran institusi tahfiz adalah tertakluk kepada peraturan, kaedah atau enakmen negeri masing-masing dan perlu dilihat bersama-sama Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.

6. Bahasa Pengantar

- 6.1 Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar di institusi tahfiz.

7. Modal

- 7.1 Pemohon atau penaja hendaklah mempunyai kewangan yang mencukupi untuk menjalankan operasi institusi tahfiz.

8. Lokasi, Tanah, Premis Dan Kemudahan

- 8.1 Hak milik sendiri, Sewaan, Wakaf (atas nama Majlis Agama Islam Negeri) atau Pajakan.
- 8.2 Penggunaan lokasi, premis dan tanah adalah tertakluk kepada sokongan Pihak Berkuasa Tempatan.
- 8.3 Tidak dibenarkan untuk beroperasi sementara di premis sementara.

- 8.4 Kawasan persekitaran adalah kondusif untuk menjalankan aktiviti pendidikan.
- 8.5 Bilik-bilik khas untuk pembelajaran dan aktiviti hendaklah disediakan seperti bilik darjah mengikut kelas murid dan bilik pembelajaran kemahiran hidup.
- 8.6 Mempunyai ruangan atau kawasan bagi aktiviti kokurikulum.

9. Ahli Lembaga Sekolah / Jemaah Pengurusan Sekolah

- 9.1 Minimum 7 orang (termasuk pengerusi) terdiri dari warganegara Malaysia berumur tidak kurang 21 tahun.
- 9.2 Pengetua secara automatik bertindak sebagai setiausaha lembaga.
- 9.3 Ahli Lembaga Sekolah / Jemaah Pengurusan Sekolah tidak dibenarkan mengajar / menjalankan tugas sebagai seorang guru.

10. Penamaan Institusi

- 10.1 Pendaftar Sekolah Agama adalah berhak meluluskan atau menolak penamaan sesebuah institusi tahfiz.
- 10.2 Nama institusi tahfiz hendaklah bermula dengan;
 - i) Sekolah Tahfiz, contoh **Sekolah Tahfiz** Ibnu Sina, atau;

- ii) Maahad Tahfiz, contoh **Maahad Tahfiz** Nur, atau;
- iii) Madrasah Tahfiz, contoh **Madrasah Tahfiz** Mawardah.

11. Kurikulum

- 11.1 Menggunakan kurikulum yang diperakui oleh Majlis Agama Islam Negeri.
- 11.2 Kurikulum yang digunakan hendaklah dari model berikut:
 - i) Kurikulum Tahfiz Bersepadu
 - ii) Kurikulum Tahfiz Turath
 - iii) Kurikulum Tahfiz Kemahiran
- 11.3 Tahfiz peringkat rendah pada umur di bawah 12 tahun hendaklah menjalankan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia bersama-sama pengajian tahfiz.

12. Pengambilan Dan Penempatan Murid

- 12.1 Pengambilan dan penempatan murid hendaklah mengikut peringkat kelas masing-masing bersesuaian dengan aras pembelajaran murid.

13. Guru Besar/Pengetua

- 13.1 Hendaklah seorang penghafaz al-Quran dan mempunyai kelayakan profesional dan akademik yang bersesuaian.

13.2 Hendaklah mempunyai komitmen sepenuh masa untuk menguruskan pentadbiran sekolah.

13.3 Tidak dibenarkan seorang pengetua untuk mentadbirkan lebih daripada sebuah sekolah.

14. Guru/Tenaga Pengajar

14.1 Mempunyai kemahiran mengendalikan pengajaran dan pembelajaran.

14.2 Mempunyai tauliah atau kebenaran mengajar agama Islam dari Pihak Berkuasa Agama Negeri bagi pengajaran agama Islam.

14.3 Guru Tahfiz hendaklah seorang penghafaz al-Quran yang diperakui oleh Majlis Agama Islam Negeri.

15. Guru/Tenaga Pengajar Bukan Warganegara

15.1 Hendaklah mempunyai visa dan pas pengajian yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

15.2 Mempunyai kelayakan akademik yang berkaitan ikhtisas.

15.3 Mempunyai kontrak perkhidmatan dengan pihak sekolah.

15.4 Mempunyai tauliah atau kebenaran mengajar agama Islam dari Pihak Berkuasa Agama Negeri bagi pengajaran agama Islam.

16. Nisbah Kelas: Murid

16.1 Nisbah Kelas dengan murid adalah pada kadar 1 : 35

16.2 Nisbah Guru Tahfiz dengan murid adalah pada kadar 1 : 12

17. Yuran Pengajian

17.1 Hendaklah bersesuaian dengan perkhidmatan yang diberikan dan direkod semasa membuat pendaftaran institusi tahfiz.

18. Permohonan Penubuhan

18.1 Permohonan hendaklah dengan menggunakan Borang Permohonan Penubuhan Institusi Tahfiz dan melengkapkan maklumat yang diperlukan.

18.2 Pemohon hendaklah menyediakan satu kertas cadangan untuk dikemukakan kepada Pendaftar yang mengandungi maklumat berikut:

- 1) Pemilik
- 2) Modal
- 3) Lokasi, Tanah, Premis dan Kemudahan dengan menyatakan status berserta dokumen sokongan.
- 4) Ahli Lembaga Sekolah
- 5) Penamaan Sekolah

- 6) Kurikulum
- 7) Pengambilan Dan Penempatan Murid
- 8) Guru Besar/Pengetua
- 9) Tenaga Pengajar Asing
- 10) Guru

19. Surat Kelulusan Penubuhan

- 19.1 Surat kelulusan penubuhan adalah sah untuk tempoh dua tahun sahaja.
- 19.2 Kelulusan ini terbatal dengan sendirinya jika tiada apa-apa tindakan penubuhan institusi tahfiz dilakukan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh surat kelulusan.
- 19.3 Jemaah Pengurusan hendaklah mengemukakan laporan kemajuan penubuhan institusi setiap 6 bulan kepada Pendaftar.
- 19.4 Pendaftar boleh membatalkan surat kelulusan penubuhan jika pemohon gagal mengemukakan laporan kemajuan penubuhan.
- 19.5 Kelulusan ini tidak boleh dipindah milik atau premis berpindah tempat/lokasi dalam tempoh tersebut.

20. Permohonan Pendaftaran

20.1 Permohonan hendaklah dengan menggunakan Borang Permohonan Pendaftaran Institusi Tahfiz yang dikeluarkan oleh Pendaftar dan menyertakan surat sokongan dari agensi berikut:

- i) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;
- ii) Jabatan Kesihatan Negeri;
- iii) Pihak Berkuasa Tempatan;
- iv) Jabatan Kerja Raya;
- v) Lain-lain agensi yang berkaitan.

21. Perakuan Pendaftaran

21.1 Perakuan Pendaftaran dikeluarkan apabila pemohon telah memenuhi kesemua keperluan pendaftaran.

21.2 Perakuan Pendaftaran sah laku bagi tempoh 5 tahun.

22. Lawatan

22.1 Permohonan yang mendapat pertimbangan kelulusan boleh dilawati oleh jawatankuasa pendaftaran.


23. Kuasa Pendaftar

23.1 Pendaftar berhak mendaftarkan atau tidak mendaftarkan sesebuah institusi tahfiz atas pertimbangan sewajarnya.

24. Maklumat Dan Data

24.1 Pihak sekolah hendaklah menghantar data dan maklumat berhubung murid, guru atau apa-apa maklumat lain yang berkaitan dari masa ke masa kepada Pendaftar dan mengemaskini maklumat dalam Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI).

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PENUBUHAN DAN PENDAFTARAN



Lampiran Contoh Kertas Cadangan

KERTAS CADANGAN PENUBUHAN INSTITUSI TAHFIZ

BAHAGIAN I : MAKLUMAT ASAS

1. Pemohon

- 1.1 Nama pemohon
- 1.2 Nombor kad pengenalan/pasport
- 1.3 Alamat surat menyurat

2. Nama institusi

- 2.1 Nama yang dicadangkan

3. Cadangan lokasi

- 3.1 Lokasi/alamat institusi
- 3.2 Pelan lakar kawasan institusi

4. Latar belakang pemohon

- 4.1 Pengalaman dalam bidang pengurusan pendidikan

5. Jenis pemilikan

- 5.1 Pemilikan samada syarikat/pertubuhan/persatuan/koperasi

6. Modal atau sumber kewangan

- 6.1 Modal berbayar
- 6.2 Penyata kewangan

7. Rasional penubuhan institusi

- 7.1 Kajian pasaran
- 7.2 Keperluan penduduk

8. Kumpulan sasar

- 8.1 Murid tempatan
- 8.2 Murid antarabangsa
- 8.3 Peringkat umur

BAHAGIAN II : PENGURUSAN

9. Maklumat Ahli Lembaga Pengelola (ALP)

- 9.1 Bilangan ALP termasuk Pengerusi
- 9.2 Nama
- 9.3 Nombor kad pengenalan
- 9.4 Profesion

10. Pengetua/Guru Besar

- 10.1 Nama
- 10.2 Nombor kad pengenalan/pasport

- 10.3 Kewarganegaraan
- 10.4 Kelayakan akademik dan ikhtisas
- 10.5 Sijil Tahfiz
- 10.6 Pengalaman dalam bidang pendidikan

BAHAGIAN III : MAKLUMAT KURIKULUM

11. Maklumat kurikulum

- 11.1 Nama program/kurikulum
- 11.2 Rasional penawaran program/kurikulum
- 11.3 Tahap program/kurikulum
- 11.4 Kaedah pengendalian
- 11.5 Tempoh pengajian
- 11.6 Kelayakan masuk minimum
- 11.7 Badan persijilan
- 11.8 Nisbah guru : pelajar
- 11.9 Nisbah kelas : pelajar
- 11.10 Bilangan maksimum pelajar dalam sesebuah kelas
- 11.11 Struktur yuran yang terperinci
- 11.12 Sesi program/persekolahan
- 11.13 Lampirkan sukatan pelajaran/silibus

BAHAGIAN IV : MAKLUMAT FIZIKAL

12. Fizikal institusi

- 12.1 Lakaran pelan lantai institusi
- 12.2 Bilangan bilik darjah
- 12.3 Bilangan bilik khas seperti perpustakaan, makmal, dan lain-lain
- 12.4 Kemudahan ko-kurikulum
- 12.5 Keperluan kawasan untuk riadah/padang permainan (sekolah)

BAHAGIAN V : LAIN-LAIN

13. Perancangan perluasan di masa hadapan

- 13.1 Perancangan pengembangan institusi
- 13.2 Unjuran pelajar untuk tempoh lima tahun
- 13.3 Unjuran tenaga pengajar mahir untuk tempoh lima tahun
- 13.4 Infrastruktur
- 13.5 Kemudahan-kemudahan
- 13.6 Bantuan kewangan/biasiswa murid
- 13.7 Peningkatan profesionalisme guru dan kakitangan
- 13.8 Kolaborasi/jalinan dengan institusi lain (dalam dan luar negara)

13.9 Keperluan mendapatkan keperluan pengiktirafan daripada badan akreditasi luar negara dalam tempoh 3 tahun.

Lampiran Contoh Borang 1

Borang Permohonan Penubuhan Institusi Tahfiz

KATEGORI INSTITUSI TAHFIZ

BIL	JENIS	Tanda (√)
1	Tahfiz Peringkat Rendah	
2	Tahfiz Peringkat Menengah	
3	Tahfiz Peringkat Rendah dan Menengah	

KATEGORI KURIKULUM

BIL	JENIS	Tanda (√)
1	Kurikulum Tahfiz Bersepadu	
2	Kurikulum Tahfiz Turath	
3	Kurikulum Tahfiz Kemahiran	

MAKLUMAT PEMOHON

- a) Nama pemohon:
- b) No. Kad Pengenalan:
- c) No. Pasport:
- d) Alamat surat menyurat:
 Poskod
- e) No. Telefon:

- f) No. Telefon bimbit:
- g) No. Faks:
- h) E-mel:

PERAKUAN PEMOHON

Saya _____ no. kad pengenalan _____ dengan sesungguhnya mengakui bahawa pernyataan yang terkandung dalam borang permohonan ini dan dokumen yang dikepilkan adalah benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya.

Disertakan bersama-sama ini **Kertas Cadangan Penubuhan Institusi Tahfiz** untuk pertimbangan.

(Tandatangan Pemohon)

b) No. Kad Pengenalan

							-							
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--

c) Alamat tempat tinggal

Poskod

d) No. Pasport

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

e) Warganegara

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

f) No. Telefon

			-										
--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

3. Maklumat Guru

Bil	Nama	No. Kad Pengenalan	Kelayakan Ikhtisas	Tauliah Mengajar Agama Islam

BAHAGIAN F: PREMIS DAN KEMUDAHAN

1. Maklumat premis

a) Jenis premis

Bil.	Jenis	√
	Bangunan institusi pendidikan	
	Rumah kedai	
	Rumah kediaman	
	Lain-lain:	

b) Pemilikan

Bil.	Pemilikan	√
	Milikan sendiri	
	Sewaan atau pajakan	
	Wakaf	
	Lain-lain:	

c) Keluasan lantai premis: _____

d) Keluasan tapak premis: _____

e) Butiran premis

Bil.	Kemudahan	Ada (√) atau Tiada (X)
1	Bilik Darjah/Tutorial	
2	Perpustakaan	
3	Bilik Sumber	
4	Makmal Sains	
5	Makmal Komputer	
6	Bengkel Kemahiran Hidup	
7	Auditorium	
9	Bilik Media	
10	Bilik Pentadbiran/Pejabat	
11	Bilik Guru Besar/Pengetua	
12	Bilik Guru	
13	Bilik Kaunseling	

14	Bilik Mesyuarat	
15	Dewan	
16	Tapak Permainan	
17	Bilik Persalinan	
18	Pondok Pengawal Keselamatan	
19	Bilik Sakit	
20	Bilik Rawatan	
21	CCTV	
22	Tandas Lelaki	
23	Tandas Perempuan	
24	Bilik Penyediaan Makanan	
25	Tempat Makan/Kafeteria	
26	Surau	
27	Tempat Letak Kereta	

BAHAGIAN G: SOKONGAN

Telah mendapat sokongan dan kelulusan:

Bil.	Agensi	No. Rujukan
1	Jabatan Bomba dan Penyelamat	
2	Jabatan Kesihatan	
3	Pihak Berkuasa Tempatan	
4	Jabatan Kerja Raya	
5	Lain-lain agensi yang berkaitan	

BAHAGIAN H: PERAKUAN PEMOHON

Saya _____ no. kad pengenalan _____ dengan sesungguhnya mengakui bahawa pernyataan yang terkandung dalam borang permohonan ini dan dokumen yang dikepilkan adalah benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya.

(Tandatangan Pemohon)

